

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN  
ISMAIL (PANDAN)**

**SOALAN**

**DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL (PANDAN)** minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan apakah langkah yang telah dimulakan oleh pihak Kementerian untuk memastikan Malaysia dapat menjadi sebuah negara yang menjana Sumber Tenaga Diperbaharui (*Renewable Energy*) secara mampan untuk masa depan negara. Apakah keberhasilannya sehingga kini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan Malaysia dapat menjadi sebuah negara yang menjana Sumber Tenaga Boleh Baharu (TBB) dalam pembekalan elektrik secara mampan untuk masa depan negara, Kerajaan telah melancarkan Pelan Hala Tuju Tenaga Boleh Baharu Malaysia ataupun dengan izin, Malaysia Renewable Energy Roadmap (MyRER).
2. MyRER telah menetapkan sasaran kapasiti terpasang TBB dalam perbekalan elektrik negara sebanyak 31% pada tahun 2025 dan 40% menjelang tahun 2035. Pelan ini turut menggariskan kerangka strategik untuk mencapai visi pembangunan TBB negara iaitu “Ke arah Sistem Tenaga Rendah Karbon” melalui pelaksanaan empat (4) tonggak berasaskan teknologi iaitu solar, bio-tenaga, hidro dan sumber-sumber baharu.
3. Sehingga suku pertama tahun 2022, campuran kapasiti Tenaga Boleh Baharu Negara telah mencapai 9,381MW atau 23% daripada keseluruhan kapasiti terpasang bekalan elektrik negara.

Sekian, terima kasih.